



KAKITANGAN PERZIM membuat persiapan untuk Pameran Keranda Menuju Alam Abadi di DMDI.

BIA 6/6/12 MSA

PERZIM anjur pameran keranda

MELAKA TENGAH: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) mengadakan Pameran Keranda Menuju Alam Abadi di Muzium Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) di sini.

Program dianjurkan dengan kerjasama Muzium Darul Ridzuan itu bermula sejak 23 Mei lalu dan berakhir 22 Julai ini.

Pengurus Besar PERZIM, Datuk Khamis Abas, berkata pengajuran pameran ini adalah antara usaha pihaknya untuk memeriahkan lagi institusi muzium di Melaka menerusi pelbagai aktiviti dan program menarik sepanjang tahun.

“Saya yakin, pelancong yang berkunjung ke Melaka mengharapkan sesuatu yang unik untuk

dilawati agar menjadi memori indah ketika berkunjung ke Bandaraya Warisan Dunia ini.

“Justeru, kita mengharapkan mereka tidak akan melepaskan peluang keemasan ini untuk melihat sendiri keunikan pameran keranda,” katanya.

Khamis berkata, pameran ini bukan hanya sekadar untuk dilawati, malah mampu memberikan perkongsian ilmu yang hebat mengenai alam abadi.

“Pengunjung yang mahu menyaksikan pameran ini boleh mendapatkan tiket dengan harga RM2 bagi dewasa, manakala RM1 untuk kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah. Masa lawatan bermula dari jam 9 pagi hingga 5.30 petang setiap hari,” katanya.